

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 32

Bilangan iklan jawatan kosong susut suku ketiga

Bilangan iklan jawatan kosong susut suku ketiga

Kekosongan jawatan menurun 1.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian mencatatkan 190,170 kekosongan pada suku ketiga 2022, merosot 5.9 peratus berbanding 202,102 kekosongan pada suku kedua 2022.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kekosongan jawatan mencatat kejatuhan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.2 peratus berbanding suku ketiga 2021.

Beliau berkata, berdasarkan perbandingan bulanan, kebanyakannya kekosongan jawatan telah dicatatkan pada September 2022 sebanyak 69,991 kekosongan merangkumi 36.8 peratus daripada keseluruhan kekosongan jawatan pada suku ketiga 2022.

Sementara itu, beliau berkata, pada Julai dan Ogos 2022, masing-masing mencatatkan sebanyak 54,086 dan 66,093 kekosongan.

"Bagi kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mengikut kategori pekerjaan, profesional menunjukkan sumbangan terbesar pada suku tahun itu dengan 46.1 peratus atau 87,587 kekosongan," katanya.

sar pada suku tahun itu dengan 46.1 peratus atau 87,587 kekosongan.

"Ini diikuti oleh 18.1 peratus (34,434) bagi kategori juruteknik dan profesional bersekutu manakala pengurus menyumbang 12.8 peratus (24,417).

"Pecahan selanjutnya mengikut pekerjaan popular pada suku tahun berkenaan, terdapat permintaan yang lebih tinggi untuk profesional pengiklanan dan pemasaran, profesional bersekutu pentadbiran, aktautan dan juruaudit, pengarah urusan dan ketua eksekutif serta pembangunan perisian," katanya dalam satu kenyataan.

Tumpu sektor perkhidmatan

Dari segi kekosongan jawatan mengikut keseluruhan sektor ekonomi, majoriti kekosongan jawatan diiklankan dalam talian tertumpu dalam sektor perkhidmatan, meliputi sumbangan sebanyak 67.6 peratus atau 128,575 kekosongan pada suku ketiga 2022.

Analisis selanjutnya mengikut

aktiviti ekonomi, perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal adalah komposisi terbesar kekosongan jawatan diiklankan dalam talian, merekodkan 23.7 peratus (45,150) pada suku ketiga 2022, manakala pembuatan berada di kedudukan kedua dengan 21.5 peratus (40,903).

Ia diikuti dengan kekosongan jawatan dalam kategori aktiviti profesional, saintifik dan teknikal (21,150) dan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman (13,161).

Ketua Perangkawan berkata, pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ialah pekerjaan profesional pengiklanan dan pemasaran yang mencatatkan bilangan kekosongan jawatan tertinggi (14,949), diikuti oleh profesional bersekutu pentadbiran (7,984) dan pembangunan perisian (5,740).

Bagi kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), beliau berkata, tiga pe-

kerjaan utama ialah juruteknik (2,355), pereka grafik (1,604) dan jurutera perisian (1,511).

Sementara itu, pekerjaan dengan permintaan tertinggi bagi Senarai Pekerjaan Kritis (COL) ialah profesional pengiklanan dan pemasaran (14,949), akautan dan juruaudit (7,087) serta pengarah urusan dan ketua eksekutif (6,463), katanya.

Mengikut negeri, kekosongan jawatan diiklankan dalam talian di kesemua negeri mencatatkan penurunan kecuali Labuan.

Sementara itu, kekosongan jawatan tertinggi direkodkan di Kuala Lumpur dengan 79,183 kekosongan, diikuti Selangor (27,424), Johor (14,815) dan Pulau Pinang (6,340).

Secara kesimpulan, Mohd Uzir berkata, pada suku tahun itu, tenaga buruh dan pekerjaan terus meningkat secara beransur-ansur, namun begitu, peluang pekerjaan dalam talian semasa yang dicatatkan pada suku tahun berkenaan adalah lebih rendah berbanding suku tahun sebelumnya.

Beliau berkata, terdapat beberapa keadaan yang boleh mempengaruhi aktiviti pengambilan pekerja, yang mana antara lain adalah majikan masih memilih dalam pengambilan pekerja baharu bagi memenuhi pekerjaan kritis saja.

Katanya, situasi juga adalah mencabar untuk mendapatkan pekerja berkelayakan dengan kekangan kewangan yang dihadapi oleh peniaga terutamanya semasa peningkatan inflasi dalam ekonomi.

Bagi kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mengikut kategori pekerjaan, profesional menunjukkan sumbangan terbesar pada suku tahun itu dengan 46.1 peratus atau 87,587 kekosongan.

**Dr Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia**

